

Gaji kakitangan awam naik

BH- 8/5/2007

Peratusan kenaikan berbeza pastikan jurang pendapatan tak ketara: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengesahkan gaji kira-kira 1.2 juta kakitangan awam akan dinaikkan, tetapi peratusannya berbeza antara pegawai kanan dengan kakitangan rendah bagi memastikan jurang perbezaannya tidak begitu ketara.

Malah Perdana Menteri menegaskan, kakitangan awam berhak mendapat kenaikan gaji dan sewajarnya ia dinaikkan sekarang berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Saya rasa anda berhak mendapatkan kenaikan gaji dan sudah wajar kenaikan gaji ini diberikan. Tetapi soal banyak mana, hanya (Ketua

“*Apa yang saya tahu, kenaikan itu akan berbeza bagi pegawai tinggi dan pegawai rendah kerana perbezaan pendapatan itu juga perlu diambil kira”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam) Tan Sri Ismail Adam seorang saja yang tahu berapa dia nak cadangkan.

"Kedudukan kewangan kerajaan serta perkara lain perlu diambil kira. Apa yang saya tahu, kenaikan itu akan berbeza bagi pegawai tinggi dan pegawai rendah kerana perbezaan pendapatan itu juga perlu diambil kira.

"Kita tidak mahu perbezaan itu menjadi terlalu ketara kerana kos hidup yang meningkat memberatkan semua orang, terutama golongan berpendapatan rendah. Tunggulah sementara kajian yang dibuat itu diperhalusi dan nanti bila tiba masanya pengumuman akan dibuat," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewa-

ngan berkata demikian dalam ucapan ringkasnya pada majlis perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam. Hadir sama, Menteri di JPM, Datuk Seri Mohd. Effendi Norwawi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan dan Ismail.

Pada 11 Januari lalu, Cuepacs mengemukakan memorandum kepada Abdullah memohon tuntutan kenaikan gaji secara menyeluruh untuk kakitangan awam dengan alasan ia perlu disesuaikan dengan kos sara hidup semasa.

Dalam memorandum itu, Cuepacs memohon kenaikan gaji 30 peratus bagi kakitangan awam Gred 17 hingga 40, 20 peratus (Gred 41 hingga 54) serta lima hingga 10 peratus (Jawatan Utama Sektor Awam). Kali ter-

akhir semakan gaji kakitangan awam ialah pada 1992.

Cuepacs sebelum ini berharap pengumuman mengenai kenaikan gaji itu dibuat pada majlis perhimpunan kakitangan awam dengan Perdana Menteri, yang dijadual di sini pada 21 Mei ini.

Abdullah yang kelihatan ceria dan sering berseloroh pada majlis itu berkata, beliau menyentuh perkara itu kerana banyak pihak yang bercakap mengenai kewajaran kerajaan memberikan kenaikan gaji dan kakitangan awam pula mahu mendengar jawapan kerajaan.

Katanya, ada yang mengatakan kenaikan itu wajar kerana kos sara hidup sudah meningkat selain sudah

LIHAT MUKA 2

Kenaikan gaji selaras kos hidup

DARI MUKA 1

lama tidak dipertimbangkan, manakala ada pula mempersoalkan perkara itu kerana masih wujud kelemahan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, kerajaan sudah memberi pelbagai galakan dalam bentuk elaun, termasuk elaun kos sara hidup (Cola), kepada kakitangan awam, walaupun tidak membuat semakan gaji dalam tempoh itu.

“Macam-macam yang saya dengar, semua orang tahu kenaikan gaji ini dah lama kita tak pertimbangkan, tetapi apa yang berlaku selama ini ialah pelbagai elaun diberikan, termasuk Cola... bukannya tiada apa-apa pemberian,” katanya.

Perdana Menteri mengingatkan kakitangan awam berusaha memastikan perkhidmatan kepada rakyat cepat, tepat dan adil sejajar langkah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang beliau utamakan sebelum ini.

Beliau berkata, walaupun beban tugas mungkin berat, kakitangan awam tiada pilihan atau menetapkan bilangan tugas yang hendak diselesaikan kerana semua tanggungjawab kepada rakyat perlu dilaksanakan sebaik dan secepat mungkin.

“Memang banyak kerja kita hendak dilaksanakan, tetapi kita kena buatlah. Itu kerja kita, kita tidak boleh hadkan cuma nak beri perhatian kepada 10 fail saja bila di depan kita ada bertimbun-timbun. Semua ini tanggungjawab, kita perlu beri perhatian kepadanya.

“Saya harap kita terus berusaha supaya perkhidmatan yang kita berikan kepada rakyat itu cepat, tepat dan adil. Nak kata memuaskan, tak boleh juga kerana akan ada orang tak akan puas hati.

“Cepat tepat dan adil ini mesti menjadi matlamat kita semua. Mudah-mudahan dengan perkara ini, kita akan dapat melihat pembangunan negara akan lebih baik lagi,” katanya.

Sementara itu, Ismail, ketika ditemui wartawan berkata, kajian semakan gaji kakitangan awam kini sudah pada peringkat akhir dan dikemukakan kepada Perdana Menteri tidak lama lagi.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas peratusan kenaikan gaji kakitangan awam yang akan dicadangkannya kepada kerajaan.

“Tak tahu, tak boleh cakap... tunggulah dulu, Perdana Menteri dah kata terpulang kepada kerajaan, Cuepacs pun minta beza-beza,” katanya.